

24 MAY 2003
MCA-Rangkuman
UMNO HORMATI KEPUTUSAN MCA, KATA KHALIL

KUANTAN, 24 Mei (Bernama) -- Umno menghormati keputusan MCA melantik Datuk Seri Ong Ka Ting sebagai presiden dan Datuk Chan Kong Choy sebagai timbalan parti itu.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob berkata keputusan itu dilihat sebagai langkah perubahan dan pembaikan parti selain menyelesaikan krisis kepimpinan MCA, yang berlarutan selama 14 bulan.

"Umno merasa bangga mereka dapat mematuhi keinginan penyelesaian yang disyorkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isu team A dan team B dengan sendirinya selesai," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Kolej Komuniti Kuantan di sini, hari ini.

Beliau berkata perubahan kepimpinan MCA itu tidak akan mempengaruhi proses pilihan raya sebaliknya ia adalah perkembangan baik bagi Barisan Nasional (BN) untuk merangka kelancaran proses pilihan raya umum akan datang.

Khalil diminta mengulas keputusan Jawatankuasa Pusat MCA semalam melantik Ong dan Chan masing-masing bagi menggantikan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Datuk Lim Ah Lek, yang tetap dengan keputusan meletakkan jawatan mereka walaupun selepas dipujuk anggota-anggota jawatankuasa itu.

Ong, 47, naib presiden dan anggota majlis presiden MCA ialah penyokong Dr Ling yang dikenali sebagai kumpulan A manakala Chan, 48, juga naib presiden dan anggota majlis berkenaan, adalah penyokong Lim dari kumpulan B.

Pelantikan mereka berkuat kuasa serta merta sehingga pemilihan parti itu pada 2005 dan merupakan jalan penyelesaian terhadap krisis kepimpinan parti itu apabila Dr Ling dan Lim dikatakan tidak sehaluan.

Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata keputusan Dr Ling dan Lim melepaskan jawatan masing-masing dilihat sebagai penyelesaian terbaik bagi mengakhiri kemelut dalaman parti itu.

Di TANJUNG PENGELEH, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata anggota-anggota MCA menghadapi ujian terbesar untuk menghapuskan Kumpulan A dan Kumpulan B di kalangan anggotanya berikutan perubahan pucuk pimpinannya.

"Pengenalan `Team A' dan `Team B' haruslah dilucutkan dan tidak disebut dan ini adalah ujian terbesar sama ada pelan damai itu benar-benar diterima semua peringkat.

"Saya ingin sarankan betapa penting mereka terima keputusan ini dengan hati terbuka dan menghayati tujuan perubahan ini dan rapatkan semua peringkat sehingga terhapusnya pengenalan dua puak ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri perbarisan tamat latihan rekrut Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di Pusat Latihan Rekrut TLDM (Pularek) di sini, hari ini.

Najib yang juga Naib Presiden Umno berkata perubahan pucuk pimpinan berdasarkan pelan damai Dr Mahathir Mohamad itu adalah perlu bagi menyatukan semula MCA.

Beliau berkata secara dasarnya, pelan damai Dr Mahathir itu diterima baik kedua-dua belah pihak dan ini dapat dibuktikan menerusi pelantikan presiden dan timbalan presiden baru MCA semalam.

Mengenai jawatan Dr Ling di dalam kabinet sebagai Menteri Pengangkutan, beliau berkata, itu adalah hak Perdana Menteri untuk memutuskannya.

Di PASIR MAS, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed berkata pelantikan Ong dan Chan adalah tepat dan akan menguatkan

lagi perpaduan parti itu.

Mustapa berkata Ong dan Chan merupakan gadingan terbaik yang mampu memberi kekuatan kepada MCA dan BN dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Kita yakin kedua-dua pemimpin itu dapat menyatukan semula perpecahan dalam MCA sekaligus menguatkan perpaduan dalam Barisan Nasional," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Sekolah Menengah Sultan Ibrahim Satu di sini, hari ini.

Mustapa yang juga Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) berharap krisis MCA tidak akan berpanjangan.

Pelantikan Ong dan Chan akan membaiki hubungan kedua-dua kumpulan yang bertelagah dan mengembalikan maruah MCA dan BN, katanya.

Di PULAU PINANG, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini mengucapkan tahniah kepada Ong dan Chan di atas pelantikan mereka sebagai presiden dan timbalan presiden baru MCA.

Beliau berharap kedua-dua pemimpin generasi baru itu akan membawa komitmen dan visi baru kepada MCA dan BN.

"Saya percaya, saya akan dapat bekerjasama rapat dengan (Ong) Ka Ting dan (Chan) Kong Choy demi untuk kepentingan BN amnya dan Pulau Pinang khususnya," katanya.

Koh, yang juga Naib Presiden Gerakan, turut mengucapkan tahniah kepada Dr Ling dan Lim di atas ketekunan mereka untuk menyelesaikan krisis dalam MCA.

Di SEREMBAN, Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata keputusan peletakan jawatan Dr Ling dan Lim menunjukkan mereka meletakkan kepentingan parti lebih daripada kepentingan diri.

Mohamed Isa yang juga pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri dan Barisan Nasional (BN) negeri berkata jasa kedua-dua pemimpin itu kepada MCA dan negara tetap dikenang dan dihargai.

Beliau berkata pelantikan Ong dan Chan masing-masing sebagai presiden dan timbalan presiden baru MCA adalah pilihan yang baik dan mampu mengendalikan parti itu.

"Bagi BN Negeri Sembilan, kita akan memberikan kerjasama kepada kedua-dua tokoh muda MCA itu. Saya berharap dengan selesainya kemelut kepimpinan MCA ini, kita kini boleh fokus untuk menguatkan BN bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang," katanya.

Di KUALA LUMPUR, BN Selangor juga memuji Dr Ling dan Lim kerana membuat keputusan bijak dengan mengundurkan diri demi kesejahteraan parti.

Pengerusinya Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo berkata tindakan itu membuktikan konsep perundingan dalam menyelesaikan masalah seperti yang diamalkan BN adalah berkesan.

"Sebagai Pengerusi BN Selangor, saya berterima kasih kepada kedua-dua pemimpin itu kerana memberikan kerjasama kepada kestabilan dan keseimbangan politik BN di Selangor," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Dr Mohamad Khir berkata beliau percaya pelantikan Ong dan Chan bagi kedua-dua jawatan tertinggi itu dapat merapatkan kembali hubungan semua pemimpin dan anggota dalam MCA.

Penyelesaian itu tepat pada masanya dalam keadaan BN perlu lebih mantap untuk menghadapi pilihan raya dan memastikan kemenangan lebih besar dicapai, katanya.

Kongres India Muslim Malaysia (Kimma) pula menyifatkan pengunduran Dr Ling dan Lim akan memberi peluang kepada generasi baru menerajui parti itu.

Setiausaha Agungnya, Amir Amsaa Alla Pitchay berkata pengunduran itu juga membolehkan MCA memperkukuhkan barisannya dalam persediaan menghadapi pilihan raya umum.

Kimma turut menyambut baik pelantikan Ong dan Chan sebagai pengganti Dr Ling dan Lim, katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Di MENTAKAB, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan MCA Pahang Datuk Foo Ah Kiaw meminta semua anggota MCA Pahang supaya memberikan sokongan padu kepada pucuk pimpinan baru parti sebagai persediaan menghadapi pilihan raya akan datang.

Beliau berkata mereka perlu merapatkan kembali perpaduan dan mengetepikan masalah yang boleh membawa kehancuran kepada parti.

"Tidak ada yang perlu dipersoalkan, semuanya sudah berakhir. Pemimpin bertukar ganti dan setiap anggota perlu memberi sokongan padu kepada pucuk pimpinan untuk menentukan kejayaan pada pilihan raya nanti," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sukaneka Ibu Tunggal kawasan Dewan Undangan negeri Jenderak di Kuala Krau, hari ini.

Di ALOR STAR, Pengerusi MCA Kedah Datuk Beh Heng Seong berkata anggota parti itu akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Ond dan Chan yang masing-masing dilantik sebagai presiden dan timbalan presiden baru parti.

Beliau berkata semua anggota MCA negeri menerima keputusan Jawatankuasa Pusat itu dan berjanjia untuk bersatu padu bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Seluruh anggota MCA negeri mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas sumbangan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Datuk Seri Lim Ah Lek kepada parti, bangsa dan negara," katanya.

Di JOHOR BAHARU, Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata penyelesaian masalah dalaman MCA itu akan meningkatkan lagi keyakinan rakyat terhadap parti itu dan menguatkan sokongan terhadap BN pada pilihan raya umum kelak.

Dengan perkembangan baru itu, BN Johor kini lebih yakin MCA negeri mampu meraih lebih banyak undi dan sokongan rakyat, katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Abdul Ghani yang juga Pengerusi BN Negeri berkata beliau akan mengadakan perjumpaan dengan Badan Perhubungan MCA Johor minggu depan untuk mendapatkan penerangan mengenai kedudukan terkini parti itu berikutan perubahan pucuk pimpinan MCA pusat.

Beliau percaya keputusan MCA itu, untuk mencari penyelesaian kepada masalah kepimpinan parti, akan memberi kesan positif memperkukuhkan kedudukan BN bagi bersama-sama Umno dan parti komponen lain dalam meraih kepercayaan dan sokongan rakyat.

"Dr Ling dan Lim telah berkhidmat sekian lama dan banyak berjasa kepada parti. Kepimpinan baru ini juga mempunyai wibawa untuk menerajui MCA dan membawa perpaduan di kalangan anggota parti itu," katanya sambil menyatakan penghargaan kepada Ling dan Lim.

Di KUALA LUMPUR, Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata dengan perubahan kepimpinan MCA, semua anggota parti itu kini perlu memperkukuhkan lagi perpaduan di kalangan mereka.

"Kami gembira kerana mereka kini kembali bersatu dan Gerakan mengucapkan selamat maju jaya kepada kepimpinan baru MCA dalam usaha untuk mengukuhkan lagi parti itu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pusat Gerakan di sini, hari ini.

Di KOTA KINABALU, Ketua Penerangan Pergerakan Pemuda BN Sabah Mohamad Nazri Abdullah berkata peralihan kuasa dalam MCA itu sesuatu yang baik kerana ia menyelesaikan masalah dalam parti itu.

"Di Sabah, memang kita harapkan satu perubahan yang dapat menyatukan semula parti MCA supaya apabila kita menghadapi pilihan raya, maka mudahlah untuk kita bersatu," katanya kepada pemberita sebelum mengadakan perjumpaan dengan Puteri Umno bahagian Sipitang di Beaufort.

Nazri, yang juga Ketua Penerangan Pemuda Umno Sabah, berkata beliau juga yakin peralihan kepimpinan parti itu juga akan mendapat reaksi positif golongan muda.

"Datuk Seri Ong baru dalam usia 40-an dan ini tentunya dapat menyuntik

semangat kepimpinan muda kepada MCA dan BN secara keseluruhannya," katanya.

-- BERNAMA

JS NAK